

Gasing Uri

**Dr Ainul Wahida Binti Radzuan
Dr Nordiniana Ab Jabar**

Latar Belakang Tokoh

En. Ismail bin Muhammad merupakan seorang adiguru yang telah lama berkecimpung dalam pembuatan kraf tempatan terutamanya pembuatan Gasing uri. Beliau berumur 69 tahun dan menetap di Binjai, Kelantan. Selain itu juga beliau mempunyai bengkel pembuatan Gasing Uri yang diusahakan Bersama anak-anak saudaranya. En Ismail telah mengusahakan pembuatan dan permainan Gasing Uri sejak kecil yang mana segala ilmu kemahiran membuat dan memainkan Gasing Uri diperturunkan oleh ayahnya. Ayah beliau juga merupakan pembuat dan pemain Gasing Uri di Kelantan. En. Ismail juga mempunyai sebuah kumpulan yang dinamakan Kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu dan terdiri daripada 15 orang ahli yang berumur di antara 31 hingga 70 tahun. Antara rekod paling lama putaran gasing yang pernah dipegang oleh kumpulan ini adalah selama 2 jam 48 minit pada tahun 2017.

Sejarah Gasing Uri


Permainan Gasing Uri bermula di bawah pemerintahan Kota Jembal dan meluas sehingga ke kawasan Binjai, Pasir Puteh dan sebahagian Besut, Terengganu. permainan gasing Uri di Kelantan dipercayai berasal dari zaman pemerintahan Raja Jembal pada abad ke-17 dan ke-18. Pada mulanya, gasing Uri dimainkan oleh rakyat sebagai hiburan pada waktu lapang. Keunikan gasing yang mampu berputar lama menarik minat pembesar, menjadikannya pertunjukan tradisi di majlis istana. Akibat popularitinya, harga gasing menjadi mahal, mendorong masyarakat untuk belajar cara pembuatannya dari orang lama yang berpengalaman. Lama-kelamaan, permainan ini menjadi pertunjukan di majlis-majlis rasmi dan acara sukan rakyat sehingga kini. Setelah jajahan Raja Jembal berkembang di Kelantan, baginda memperkenalkan gasing Uri sebagai permainan yang dipertandingkan antara daerah dan kampung setiap bulan. Ini bertujuan untuk menentukan kumpulan terbaik.

Ramai penggiat gasing Uri muncul dari jajahan Raja Jembal, bermula dari Kampung Kedai Lalat (Kota Jembal) hingga Kampung Kemumin, Sabak, Binjai, Bukit Marak, Melor, Pasir Puteh, dan Jertih (kini Terengganu). Kegiatan gasing ini termasuk menyertai pertandingan dan persembahan kebudayaan di bawah Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Ini dilakukan untuk melestarikan warisan tradisional Melayu negeri Cik Siti Wan Kembang.

Gasing Uri juga turut dikenali sebagai gasing leper kerana bentuknya yang leper dan gasing terbang kerana gasing ini berpusing semula ke udara sebelum disambut menggunakan *cokok* (kayu penyambut). Gasing juga terbahagi kepada tiga jenis iaitu gasing kayu, gasing timah susup dan gasing timpal besi. Gasing kayu merupakan asas kepada kesemua gasing di mana gasing ini tidak mempunyai hiasan. Gasing timah susup pula mempunyai timah yang disusup di dalam labu atau badan gasing bagi memastikan ianya kuat dan kukuh. Seterusnya, gasing timpal besi mempunyai besi yang dibalut pada bahagian badan gasing.

Terdapat tiga peranan utama dalam permainan gasing Uri seperti dapat mengeratkan silaturrahim sesama pemain, tempat menguji dan mengagihkan ilmu dan kemahiran bermain gasing kepada pemain dan penonton serta berperanan sebagai latihan kesegaran badan. Melalui permainan Gasing Uri, pemain perlu sentiasa berada dalam keadaan fit untuk bermain kerana permainan ini memerlukan tenaga semasa melempar gasing dan menarik tali gasing. Keunikan gasing Uri terletak pada kemampuannya untuk menghibur dan mengurangi keletihan dengan kehebatan gasing berputar memikat perhatian pemain. Mereka bermain tanpa jemu, meskipun kadang-kadang tidak memenangi pertandingan. Pertandingan gasing Uri tidak hanya menghibur tetapi juga menguji kemahiran, kecekapan, kekuatan, kepantasan, dan kerjasama berpasukan. Permainan ini melibatkan gerakan badan yang memberikan latihan fizikal menyeluruh kepada pemain. Kini, gasing Uri dipertandingkan bukan hanya dalam kalangan muda-mudi, tetapi juga disertai oleh golongan berumur.

Bahan-bahan yang diperlukan dalam pembuatan Gasing Uri



Terdapat beberapa bahan yang diperlukan dalam pembuatan Gasing Uri. Bagi membentuk labu gasing, kayu merupakan bahan utama yang digunakan. Antara kayu yang seringkali digunakan adalah kayu merbau, kayu nangka dan kayu getah. Seterusnya, badan gasing disalut dengan timah, dan diletakkan tembaga di tengah badan gasing bagi mengawal keseimbangannya. Tanduk kerbau seterusnya menjadi penguat di antara tembaga dan badan gasing.

Cara membuat gasing

1. Pertama, kayu yang mempunyai corak permukaan yang cantik dipilih. Kayu yang seringkali digunakan adalah kayu merbau.
2. Seterusnya, memotong kayu daripada pokok terpilih dan kayu akan dipotong mengikut kesesuaian gasing yang ingin dihasilkan. Kayu yang telah dipotong akan dijemur selama 2 bulan. Seterusnya, kayu tersebut dilarik menggunakan bendu, berserta saiz dan berbentuk piring gasing. Sebelum kerja menakik kayu dimulakan besi paksi diperam ke dalam kayu tersebut agar keseimbangan dari segi bulatnya dapat dilakukan ketika mengikis
3. Ketiga, kayu yang dipotong akan dibentuk menjadi labu gasing atau badan gasing. Kesemua proses memotong dan membentuk labu gasing menggunakan pelarik iatu sejenis alat bermata tiga.

4. Timah akan dipanaskan sehingga mendidih dan ia mengambil masa selama 1 jam jika menggunakan dapur gas atau 2 hingga 3 jam jika menggunakan kayu api.. Kerja-kerja terakhir dilakukan apabila gasing disiapkan, iaitu melilitkan timah pada acuan gasing tadi agar menambah berat lagi gasing itu hingga seberat lima kilogram dan juga tak mudah sumbing.
5. Timah yang dipasang di badan gasing akan dilarik di atas bendu iaitu sebuah tempat yang telah diolah bagi malrik gasing.
6. Keempat, timah dibalut sekitar labu gasing bagi memastikan gasing tidak mudah pecah dan tahan lama. Untuk menambah indah rupa parasnya maka tanduk kerbau dipasangkan dibahagian kepala gasing serta dikilatkan dengan varnis. Proses pembuatan ini hanya terdapat pada Gasing Leper atau Gasing Uri sahaja.
7. Kelima, tanduk kerbau yang telah dibentuk akan dipasangkan di tengah-tengah gasing bagi memastikan tembaga sebagai gasing dapat dipasang di atasnya.

Bahan lain

Antara bahan lain yang diperlukan bagi gasing yang lengkap adalah cokok iaitu alat untuk menyambut gasing serta tali gasing yang diperbuat daripada tali kapal atau sauh yang bersaiz 15 kaki. Menurut pengasas kumpulan gasing Kubang Cik Ayu, modal pembuatan sebiji gasing adalah sekitar RM500, dan ia dijual pada harga RM1000 hingga RM1500. Gasing Uri dibuat menggunakan kayu lembut berkualiti seperti kayu merbau. Kepala gasing dibuat daripada tanduk kerbau, lehernya dari aluminium, penutup kepala dari perak, dan jambul dari besi aluminium. Bahagian bawah gasing diperkukuh dengan tiga skru, paksi tengah dari besi keluli, dan cokok dari kayu sentul atau kayu rambai. Lopok digunakan untuk menukar kedudukan gasing supaya dapat berputar lebih lama. Cagak digunakan sebagai tempat meletakkan gasing di tanah. Abang Nor memasarkan gasing dengan memuat naik aktiviti dan pertandingan kumpulannya serta menerima tempahan daripada penggemar permainan tradisional dan pelancong.

Pertandingan gasing

Pada masa dahulu, gasing dimainkan ketika waktu senggang. Namun, permainan gasing telah berubah rentak di mana ianya dipertandingkan. Pertandingan gasing diadakan bagi melihat tempoh gasing berputar yang paling lama. Di dalam pertandingan gasing, terdapat dua kumpulan yang akan bertanding dalam satu-satu masa. Gasing akan dipaku di atas bong yang berbentuk segi empat tepat mempunyai ukuran 2.5 meter setiap segi. Bong akan dibahagi

kepada dua bahagian di mana setiap kumpulan akan memangkah gasing mereka di Kawasan yang telah ditetapkan. Terdapat 15 orang pemain yang berumur di antara 31-70 tahun dan mempunyai peranan masing-masing iaitu: pemangkah gasing, ketua kumpulan, pembuat gasing, tukang sambut dan lain-lain lagi. Kesemua pemain akan berkaki ayam dan memakai semutar. Selain itu, terdapat juga pantang larat dalam permainan gasing di mana gasing kedua-dua pihak lawan tidak boleh memasuki kawasan pihak lawan. Sekiranya mereka melanggar peraturan tersebut, permainan akan terbatal. Permainan gasing yang ada pada masa kini bersifat kalah mati.

Keunikan permainan gasing Uri terserlah dalam gaya pemusing dan kemahiran penyambutnya. Pemusing gasing menggunakan pelbagai kaedah dan kemahiran, sering kali memerlukan seni mempertahankan diri. Cara penyambut memasang kekuda juga berbeza dengan gasing jenis lain. Lemparan gasing perlu disesuaikan dengan kedudukan penyambut untuk menangkapnya dengan baik. Gasing Uri mampu berputar lebih daripada 2 jam, memukau penonton dan pengadil pada hari perlawanan. Format permainan ini melibatkan pertukaran giliran mencampak gasing sehingga kesemua 7 set milik setiap kumpulan habis digunakan. Pasukan dengan gasing yang paling lama berputar akan memenangi pertandingan. Kumpulan yang tewas dalam tujuh putaran berturut-turut perlu membayar ufti berupa 7 set gasing Uri lengkap kepada kumpulan yang menang. pertandingan fasa akhir adalah yang paling penting kerana pemenangnya akan dinobatkan sebagai juara. Pasukan juara akan menjadi tuan rumah sehingga mereka kalah dalam pertandingan berikutnya.